

14/11/1997

Kongres belum draf resolusi

WASHINGTON, Khamis - Usul resolusi mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diperkenalkan oleh anggota Kongres Amerika Syarikat (Amerika) masih tergantung apabila kongres itu berhenti rehat selama 11 minggu, bermula Rabu.

Usul itu yang dicadangkan Robert Wexler (Demokrat-Florida) mahu Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan kerana didakwa mengeluarkan kenyataan anti-Amerika dan anti-Yahudi.

Draf resolusi itu yang setakat ini mendapat sokongan 27 anggota Kongres masih belum dibentangkan atau dibincangkan dalam Dewan Perwakilan Amerika, tetapi hanya diedarkan di kalangan anggota.

Difahamkan kalangan anggota diplomatik Malaysia di sini sedang menjalankan usaha untuk memujuk anggota Kongres supaya sama ada menarik balik atau `melembutkan' bahasa dalam resolusi itu.

`Rakan-rakan Malaysia' di Capitol Hill juga sedang diminta supaya bertindak dengan memihak kepada Malaysia, menurut satu sumber yang boleh dipercayai di sini.

Diplomat di sini melahirkan harapan Setiausaha Pertahanan Amerika, William Cohen, boleh mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Malaysia pada 18 November ketika Cohen melawat Asia Timur.

Bagaimanapun, lawatan itu yang akan membawa Cohen ke China, Korea Selatan, Jepun, Malaysia, Indonesia dan Singapura, dibatalkan kerana Cohen terpaksa menyelesaikan beberapa perkara mengenai Iraq. - Bernama

(END)